



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN AHMAD PEKAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020
DAERAH PEKAN**

**PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 1**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1 Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif
- 2 Jawab semua soalan
- 3 Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan
- 4 Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan
- 5 Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
- 6 Penggunaan kalkulator saintifik adalah dibenarkan

Arahan: Jawab semua soalan

1. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan suatu subbidang perakaunan.

Meliputi kerja memeriksa dokumen perniagaan dan rekod kewangan untuk mengesahkan rekod kewangan adalah betul dan tepat.

Apakah subbidang perakaunan tersebut?

- A Pengauditan
- B Perakaunan pengurusan
- C Perakaunan kewangan
- D Percukaian

2. Encik Firash, seorang peniaga telah merekodkan perabot peribadi yang telah dibawa masuk ke dalam perniagaan sebagai modal tambahan.

Apakah andaian perakaunan yang diamalkan oleh Encik Firash?

- A Ketekalan
- B Entiti Berasingan
- C Usaha berterusan
- D Prinsip Kos

3. Kumpulan item manakah yang merupakan aset semasa?

- A Komisen belum terperoleh, Inventori akhir, bank
- B Gaji pekerja belum bayar, bank, akaun belum terima
- C Sewa belum terima, Overdraf bank, Gaji Prabayar
- D Kadar bayaran prabayar, akaun belum terima, komisen belum terima

4. Maklumat berikut merupakan urus niaga diperolehi daripada Perniagaan Kedai Buku Amalina.

Membayar hutang kepada Pembekal Buku Syiha RM 8500 dengan cek dan menerima diskaun RM 200.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Hasil
A	Berkurang RM 8500	Berkurang RM 8700	Bertambah RM 200
B	Bertambah RM 8300	Bertambah RM 8500	Bertambah RM 200
C	Bertambah RM 8500	Bertambah RM 8700	Berkurang RM 200
D	Berkurang RM 8300	Berkurang RM 8500	Berkurang RM 200

5. Padanan manakah yang betul?

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
A	Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Bayar
B	Pulangan Keluar	Jualan
C	Pulangan Masuk	Belian
D	Ambilan	Modal

6. Puan Khatijah seorang pembekal alat tulis telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggannya bersama dengan nota serahan dan invoice. Selepas beberapa hari kemudian, beliau mendapati bahawa invoice tersebut terkurang caj.

Dokumen manakah yang perlu dihantar oleh Puan Khatijah kepada pelanggannya untuk membetulkan invoice tersebut?

A Nota Debit

B Nota Kredit

C Makluman Debit

D Makluman Kredit

7. Kedai Perabot Amri menjual kenderaan terpakai secara kredit kepada Selasih Catering. Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekodkan urusan niaga tersebut?

A Jurnal Am

B Buku Tunai

C Jurnal Jualan

D Jurnal Penerimaan Tunai

8. Antara yang berikut, urusan niaga yang manakah direkodkan dalam Buku Tunai?

I Bayar gaji pekerja

II Ambil barang niaga

III Beli perabot dengan cek

IV Beli mesin secara kredit

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

9. Buku Tunai Runcit berikut diperolehi daripada Perniagaan Azizah.

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan	Pemabayarn	Analisis Pembayaran	
2019			RM	RM	Alat Tulis	Tambang
Jan. 1	Bank		200			
13	Kertas Taip			60	60	
20	Tambang Teksi			36		36
			200	96	60	36
31	Baki h/b			104		
			200	200		

Berapakah bayaran balik yang diterima daripada ketua juruwang mengikut sistem panjar?

- A RM 96
- B RM 104
- C RM 192
- D RM 200

10. Peniaga membayar sewa kediamannya dengan menggunakan wang perniagaan. Apakah catatan lejar untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Sewa	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Sewa
C	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
D	Akaun Sewa	Akaun Modal

11. Urus niaga berikut berlaku pada Perniagaan Izwa Enterprise.

Pada 28 Feb 2020 Beli barang niaga secara kredit RM 600 daripada Pembekal Ali. Apakah catatan bergu untuk urus niaga berkenaan

A

Akaun Belian			
2020			
28/Feb	Bank	600	

Akaun Bank			
2020			
28/Feb	Belian	600	

B

Akaun Belian			
2020			
28/Feb	Bank	600	

Akaun Bank			
2020			
28/Feb	Belian	600	

C

Akaun Belian			
2020			
28/Feb	Pembekal Ali	600	

D

Pembekal Ali			
		2020	
		28/Feb	Belian 600

Akaun Belian			
		2020	
		28/Feb	Pembekal Ali 600

Pembekal Ali			
2020			
28/Feb	Belian	600	

12. Petikan akaun berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan

Akaun Kawalan Belum Terima			
2020		2020	
'Sep 1	Baki b/b	'Sep 30	Bank 5 200
	2 600		Diskaun diberi 320
			Baki h/b 2 200

Berapakah jualan kredit?

- A RM 2200
- B RM 2600
- C RM 5120
- D RM 7720

13. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Runcit Fahmi

Imbangan Duga Pada 29 Februari 2020		
Butir	Debit	Debit
	RM	RM
Tunai	200	
Akaun Belum Terima	2 500	
Belian dan Jualan	15 000	23 400
Kenderaan	22 300	
Modal		15 000
X		1 600
	40 000	40 000

Apakah X?

- A Overdraf bank
- B Diskaun Diberi
- C Angkutan keluar
- D Pulangan Jualan

14. Petikan Penyata kedudukan Kewangan berikut diambil daripada buku perniagaan Nik.

Penyata Kewangan Pada 30 September 2020

	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Lengkapan	1 950
 <u>Aset Semasa</u>	
Inventori akhir	1 270
Akaun Belum Terima	2 150
Insurans Prabayar	60
 <u>Liabiliti Semasa</u>	
Akaun Belum Bayar	1 780
Bank	140

Berapakah Modal Kerja perniagaan tersebut?

- A RM 7 350
- B RM 5 400
- C RM 3 510
- D RM 1 560

15. Catatan penutupan Akaun Belian manakah yang betul

Akaun Belian				
A	Inventori awal	5 000	Ambilan	10 000
	Akaun Belum Bayar	<u>10 000</u>	Baki h/b	<u>5 000</u>
		<u>15 000</u>		<u>15 000</u>
	Baki b/b	5 000		

Akaun Belian				
B	Bank	5 000	Ambilan	10 000
	Akaun Belum Bayar	<u>10 000</u>	Untung rugi	<u>5 000</u>
		<u>15 000</u>		<u>15 000</u>

Akaun Belian				
C	Bank	5 000	Ambilan	10 000
	Akaun Belum Bayar	<u>10 000</u>	Akaun Perdagangan	<u>5 000</u>
		<u>15 000</u>		<u>15 000</u>

Akaun Belian				
D	Bank	5 000	Ambilan	10 000
	Akaun Belum Bayar	<u>10 000</u>	Akaun Penamat	<u>5 000</u>
		<u>15 000</u>		<u>15 000</u>

16. Kedai Ahmad membayar insuran kedainya sebanyak RM600 pada 31 Mac 2019. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember 2019. Berapakah insurans yang diiktiraf pada tahun 2019.

- A RM 150
- B RM 200
- C RM 450
- D RM 500

17. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Syarikat Fahmi.

	RM
Akaun Belum Terima	9 600
Peruntukan Hutang Ragu	450
Peruntukan hutang lapuk diselaraskan sebanyak 8% setahun atas Akaun Belum Terima	

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu yang perlu dicatatakan dalam Akaun Untung rugi pada 31 Disember 2019?

- A RM 318
- B RM 732
- C RM 768
- D RM 1 218

18. Penyata kedudukan kewangan berikut diambil daripada buku seorang peniaga.

<u>Penyata kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2019</u>	
	RM
Kenderaan	30 000
(-) Susutnilai terkumpul	3 000
	27 000
<u>Penyata kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019</u>	
	RM
Kenderaan	30 000
(-) Susutnilai terkumpul	T
	?

Pada 31 Disember 2019, kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah baki berkurangan. Berapakah nilai **T**?

- A RM 2 700
- B RM 3 000
- C RM 5 700
- D RM 6 000

19. Maklumat berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Kedai Buku Razak pada 31 Ogos 2020.

	<u>RM</u>
Mesin (kos)	30 000
Susutnilai terkumpul Mesin	6 000

Mesin disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus dan dijual pada harga RM25 500 pada 31 Ogos 2020.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi Pelupusan RM1 500
- B Rugi Pelupusan RM4 500
- C Untung Pelupusan RM1 500
- D Untung Pelupusan RM4 500

20. Catatan yang manakah betul untuk merekod Insurans Prabayar sebanyak RM280 dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

A

<u>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019</u>	
	RM
<u>Aset Semasa</u>	
Insurans Prabayar	280

B

<u>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019</u>	
	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Insurans Prabayar	280

C

<u>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019</u>	
	RM
<u>Liabiliti Semasa</u>	
Insurans Prabayar	280

D

<u>Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019</u>	
	RM
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>	
Insurans Prabayar	280

21. Antara berikut, yang manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

	Butir	Debit(RM)	Kredit (RM)
I	Perabot	6 000	
II	Angkutan masuk		30
III	Pulangan belian	200	
IV	Diskaun diterima		350

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22. Bagi tahun berakhir 31 Mei 2019, Perniagaan Pantai Timur memperoleh untung bersih berjumlah RM 17 800. Selepas pengiraan untung bersih , kerani akaun perniagaan tersebut telah menemui kesilapan-kesilapan yang berikut:

- i. Belian kipas angin bernilai RM325 tersilap catat dalam Akaun Belian
- ii. Jualan terlebih catat RM600

Berapakah untung bersih yang baharu selepas pembetulan kesilapan tersebut dilakukan ?

- A RM 16 875
- B RM 17 525
- C RM 18 075
- D RM 18 725

23. Data di bawah diperoleh daripada buku akaun Encik Zarif bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

Inventori awal	RM7 320
Kos jualan	RM38 500
Kadar pusing ganti inventori	7 kali

Berapakah inventori akhir?

- A RM1 820
- B RM3 680
- C RM5 500
- D RM6 410

24. Antara pernyataan berikut, yang manakah menunjukkan amalan rekod tak lengkap?

- I Urusniaga dicatatkan dalam Buku Tunai sahaja
- II Urusniaga dicatat menggunakan sistem catatan bergu
- III Dokumen perniagaan disimpan secara sistematik
- IV Rekod Akaun belum Terima dicatat dalam Buku Catatan Harian sahaja

- A I dan III
- B II dan IV
- C II dan III
- D I dan IV

25. Puan Najwa, pemilik Perniagaan Murni merupakan peniaga runcit yang mengamalkan rekod tidak lengkap. Berikut adalah aset dan liabiliti Perniagaan Murni pada 31 Mei 2019.

	RM
Kenderaan	20 000
Akaun Belum Terima	8 000
Akaun Belum Bayar	4 500
Inventori	11 200
Sewa belum terima	560
Maklumat tambahan :	
Kadar susut nilai kenderaan 10% setahun	

Berapakah modal pada 31 Mei 2019?

- A RM28 260
- B RM32 140
- C RM33 260
- D RM34 140

26. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Bersatu Maju yang mengamalkan sistem catatan tunggal. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Julai 2020

	1 Ogos 2019	31 Julai 2020
	RM	RM
Gaji belum bayar	450	1 200
Gaji sebanyak RM2 350 telah dibayar dengan cek pada 28 Julai 2020		

Berapakah jumlah gaji bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM1 600
- B RM2 350
- C RM3 100
- D RM4 000

27. Apakah yang menyebabkan baki akhir Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata bank?

- A Pelanggan membayar terus ke akaun peniaga di bank
- B Perniagaan mendebitkan dividen yang diterima di ruangan bank
- C Cek-cek yang daripada pelanggan telah dikreditkan oleh pihak bank
- D Cek-cek yang dibayar kepada pembekal telah didebitkan oleh pihak bank

28. Butiran manakah yang diambil kira dalam penyediaan belanjawan tunai

- I Pinjaman bank
- II Kadar bayaran
- III Peruntukan hutang ragu
- IV Susut nilai alatan pejabat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29. Antara berikut, yang manakah terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan suatu perkongsian?

- I Aset Semasa
- II Ambilan
- III Untung Bersih rakan kongsi
- IV Akaun Semasa rakan Kongsi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Razif dan Fatimah adalah pekongsi dalam Perkongsian Rafa. Mereka berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 2 : 1. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Rafa.

Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019																																				
<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 60%;">Faedah atas modal:</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Razif</td> <td style="text-align: right;">2 000</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Fatimah</td> <td style="text-align: right; border-bottom: 1px solid black;">1 000</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right;">3 000</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Gaji Fatimah</td> <td></td> <td style="text-align: right; border-bottom: 1px solid black;">6 000</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td style="text-align: right; border-top: 1px solid black; border-bottom: 3px double black;">6 000</td> <td></td> </tr> </table>	Faedah atas modal:				Razif	2 000			Fatimah	1 000					3 000		Gaji Fatimah		6 000				6 000			<table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 60%;">Untungbersih</td> <td style="text-align: right;">12 000</td> </tr> <tr> <td>Faedah atas ambilan:</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Razif</td> <td style="text-align: right;">50</td> </tr> <tr> <td>Fatimah</td> <td style="text-align: right; border-bottom: 1px solid black;">70</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right; border-top: 1px solid black; border-bottom: 3px double black;">120</td> </tr> </table>	Untungbersih	12 000	Faedah atas ambilan:		Razif	50	Fatimah	70		120
Faedah atas modal:																																				
Razif	2 000																																			
Fatimah	1 000																																			
		3 000																																		
Gaji Fatimah		6 000																																		
		6 000																																		
Untungbersih	12 000																																			
Faedah atas ambilan:																																				
Razif	50																																			
Fatimah	70																																			
	120																																			

Kira pembahagian untung atau rugi pekongsi.

	Razif	Fatimah
A	Rugi RM1 040	Rugi RM2 080
B	Rugi RM2 080	Rugi RM1 040
C	Untung RM1 040	Untung RM2 080
D	Untung RM2 080	Untung RM1 040

31. Keuntungan atau kerugian atas realisasi akan dipindahkan ke
- A Akaun Untung Rugi
 - B Akaun Semasa pekongsi
 - C Akaun Modal pekongsi
 - D Akaun Realisasi
32. Antara pernyataan berikut, yang manakah bukan ciri-ciri syarikat berhad?
- A Bilangan pemegang saham seorang hingga tidak terhad.
 - B Pemegang saham merupakan golongan yang bekerja dalam kumpulan yang sama.
 - C Ditubuhkan sebagai satu badan yang berasingan daripada pemiliknya.
 - D Keuntungan diagihkan di antara pemegang saham dalam bentuk dividen.
33. Modal dibenarkan bagi Syarikat Muhaimin Berhad terdiri daripada 2 000 000 saham biasa bernilai RM1 setiap unit. Syarikat ini telah menerbitkan 1 500 000 saham biasa kepada orang awam. Semua saham yang diterbitkan telah dipohon beli dan berbayar penuh. Hitungkan modal berbayar Syarikat Muhaimin Berhad.
- A RM500 000
 - B RM1 000 000
 - C RM1 500 000
 - D RM2 000 000
34. Syarikat Rosselle memiliki saham seperti berikut:
- 100 000 unit saham biasa RM0.50 sesaham.
Pada 31 Disember syarikat telah mengisytiharkan dividen sebanyak 6 sen sesaham.
- Hitungkan dividen yang dibayar kepada pemegang saham?
- A RM3 000
 - B RM6 000
 - C RM24 000
 - D RM30 000

35. Apakah tujuan sesetengah kelab membuka restoran dalam rumah kelab?
- A Mempelbagaikan kemudahan kelab
 - B Mewujudkan peluang pekerjaan
 - C Mencari keuntungan
 - D Menambah dana persatuan

36. Kelab Karate Kimura mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2017, baki-baki berikut diperolehi daripada buku kelab.

	RM
Yuran belum terima	480
Yuran belum terperoleh	240

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, kelab ini menerima yuran sebanyak RM6 360. Jumlah ini termasuk RM120 yang diterima bagi tahun 2016. Berapakah jumlah yang sepatutnya diterima pada tahun 2016?

- A RM 5 520
 - B RM 6 000
 - C RM 6 960
 - D RM 6 240
37. Apakah perbelanjaan modal?
- A Pembayaran pengurusan kelab
 - B Pembayaran aset bukan semasa
 - C Pembayaran yuran penyertaan pertandingan
 - D Pembayaran aktiviti kelab

- 38 Berikut adalah kedudukan aset dan liabiliti Kelab Rekreasi Taman Aman pada 1 Januari 2020.

	RM
Perabot	5 000
Peralatan sukan	4 850
Penghutang minuman	600
Inventori minuman	180
Yuran belum terima	70
Yuran belum terperoleh	80
Kadar bayaran belum bayar	108

Berapakah dana terkumpul pada 1 Januari 2020?

- A RM10 512
 - B RM5 532
 - C RM10 868
 - D RM10 532
- 39 Pernyataan manakah benar mengenai kos tetap?
- A Kos tetap dipengaruhi oleh perubahan volum pengeluaran
 - B Kos tetap sentiasa malar bagi satu tempoh tertentu
 - C Kos tetap berkurang apabila output pengeluaran dikurangkan
 - D Kos tetap bertambah berkadar dengan output pengeluaran

40 Maklumat di bawah diperoleh daripada Kilang Conrad.

	RM
Kos Bahan Langsung	12 500
Kos Buruh Langsung	9 000
Kos Prima	21 500
Kos Overhead	14 800
Kerja dalam proses awal	4 300
Kerja dalam proses akhir	2 900

Berapakah jumlah kos pengeluaran bagi Kilang Conrad?

- A RM 34 900
- B RM 37 700
- C RM 56 400
- D RM 59 200